

15.7.2024
Siaran Media

IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

PBAPP AMBIL TINDAKAN KE ATAS PARAS AIR SUNGAI MUDA YANG RENDAH

- **Paras Sungai Muda (Pulau Pinang) menurun di bawah 2.0m selama 4 hari berturut-turut.**
- **Paras Empangan Muda (Kedah) dilaporkan 16.6% pada 12.7.2024.**
- **PBAPP melepaskan air simpanan Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD).**

PULAU PINANG, Isnin, 15.7.2024: PBAPP kini melepaskan air dari Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD) di Seberang Perai untuk mengekalkan perkhidmatan bekalan air yang baik di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Kapasiti pelepasan maksimum EMD ialah 600 juta liter sehari (JLH). PBAPP telah mula melepaskan purata 41 MLD sejak 13/7/2024 untuk melengkapkan pengabstrakan air mentah dari Sungai Muda.

Air mentah dari EMD dan Sungai Muda disalurkan ke Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua, LRA terbesar dan terpenting di Pulau Pinang. Air terawat daripada LRA ini dipam kepada kira-kira 465,000 pengguna di seluruh Seberang Perai serta di Daerah Timur Laut (DTL) dan Daerah Barat Daya (DBD) di Pulau Pulau Pinang.

Pelepasan harian EMD memastikan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua terus mengeluarkan purata 1,026.59 JLH air terawat.

Paras air Sungai Muda yang rendah di Pulau Pinang

Paras Sungai Muda di muka sauk PBAPP di Lahar Tiang, Seberang Perai, turun di bawah "paras selamat" 2.0m baru-baru ini selama 4 hari berturut-turut, dari Khamis (11.7.2024) hingga Ahad (14.7.2024).

Sehubungan itu, PBAPP telah mengabstrak purata 1,125.50 JLH air mentah dari Sungai Muda minggu lepas, berbanding 1196.13 JLH ketika keadaan normal.

Ketika keadaan normal, lebih 80% air mentah yang diabstrak oleh PBAPP setiap hari datangnya dari sungai ini.

Status empangan Kedah yang melepaskan air ke Sungai Muda

Kapasiti efektif Empangan Muda 160 bilion liter (di Kedah) dilaporkan ialah 25.7% pada hari Jumaat, 12.7.2024.

Empangan Muda merupakan satu daripada dua (2) empangan di Kedah yang melepaskan air ke Sungai Muda untuk kegunaan Kedah dan Pulau Pinang.

Paras yang dilaporkan bagi empangan lain, Empangan Beris, ialah 82.4% pada Khamis, 11.7.2024. Kapasiti efektif maksimum Empangan Beris ialah 120 bilion liter. Kedah mempunyai pilihan untuk melepaskan lebih banyak air dari Empangan Beris bagi meningkatkan paras Sungai Muda. Langkah ini akan mengelakkan sebarang isu besar di 14 LRA di Kedah dan LRA Sungai Dua di Pulau Pinang.

PBAPP dalam keadaan berwaspada, pengguna harus menggunakan air dengan berhemat

Pada 14.7.2024, kapasiti efektif EMD adalah 90.5%. Dengan pelepasan yang boleh didapati daripada EMD, paras sungai Sungai Muda yang rendah sekarang seharusnya tidak memberi ancaman segera kepada bekalan air di Pulau Pinang.

Bagaimanapun, PBAPP beroperasi dalam keadaan berwaspada dan memantau status Sungai Muda dengan berhati-hati kerana sungai ini merupakan sumber air manta utama Pulau Pinang.

Kami juga ingin memohon pemahaman dan kerjasama semua pengguna air untuk menggunakan air dengan berhemat di Pulau Pinang kerana paras air Sungai Muda adalah rendah dan rizab Empangan Muda telah habis.

Untuk tip penjimatan air domestik, sila layari www.pba.com.my.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my



Empangan Mengkuang yang Diperbesarkan (EMD): PBAPP sedang mengambil air dari empangan ini kerana paras air Sungai Muda rendah. (Siaran akhbar 15.7.2024)

Expanded Mengkuang Dam (EMD): PBAPP is drawing down water from this dam in response to low Sungai Muda river levels. (15.7.2024 media release) © PBAPP 2024.